

Kerap tukar pasangan

Metro 6/5/12 MS6.

KUALA LUMPUR: "Pengalaman pertama saya 'bersama' lelaki ialah ketika berusia 12 tahun. Memang takut pada mulanya tapi lepas beberapa kali dipujuk, saya akhirnya mengalah," kata Gee, 17, yang mula terbabit dengan kegiatan cikaro ketika belajar di tahun enam lagi.

Menurut Gee, sejak itu dia mula ketagih melakukannya dan bagi memuaskan diri dan mencari pengalaman baru, dia melakukannya dengan pasangan berlainan.

"Daripada situ, saya mula keluar setiap hujung minggu untuk lepak di lokasi tumpuan sekitar ibu kota sebelum menjadi cikaro dengan bergaul bersama kumpulan mat rempit," katanya.

Gee, anak bongsu daripada tiga beradik, mengakui kehidupannya berubah apabila ayahnya meninggal ketika dia berusia 10 tahun. Oleh kerana ibunya sibuk menyara keluarga, tiada sesiapa memantau dirinya.

Kerana sunyi, dia mula belajar melepak bersama rakan lain, termasuk dengan kumpulan mat rempit.

Kehidupannya bertambah liar sebaik dihantar tinggal bersama ibu saudaranya yang langsung tidak pernah menghalangnya keluar rumah.

"Awalnya, saya curi-curi keluar rumah tanpa pengetahuan ibu dan adik-beradik lain. Selepas beberapa bulan, saya rasakan itulah dunia saya kerana dengan mereka saya hidup lebih bebas.

"Bukan setakat merempit, malah sepanjang bersama mereka juga, beberapa kali saya merasai pengalaman melarikan diri daripada sekatan jalan raya.

"Walaupun takut, tapi terasa hebat," katanya.

Menurut Gee, waktu paling meriah bagi mereka apabila melepak bersama-sama rakan lain pada waktu hujung minggu.

"Sepanjang bersama mereka, memang kerap saya melakukan hubungan seks.



GEE... mahu berubah

"Saya sendiri banyak kali bertukar-tukar pasangan di kalangan kumpulan mat rempit," katanya.

Gee berkata, walaupun masih bersekolah, pengalaman bersama kumpulan mat rempit membuatkan dia tertarik dengan golongan itu.

"Mereka lain. Tak macam lelaki lain. Jika hendak melakukan sesuatu perkara walaupun dianggang gila, mereka berani melakukannya. Itu yang membuatkan saya tertarik dengan mereka.

"Lagipun, berbeza dengan rakan sebaya lain, kebanyakannya mereka lebih dewasa dan ada kalanya membantu jika saya perlukan duit belanja," katanya.

Namun, kerana kerap keluar waktu malam dan hanya balik ke rumah pada lewat pagi, Gee berkata, ibu saudaranya mengesyaki dia terbabit dalam kegiatan tidak bermoral.

"Saya dihantar ke rumah bapa saudara dan selepas itu baru pergerakan saya terbata.

"Namun sehingga kini jika berpeluang, saya curi-curi keluar rumah untuk melepak bersama rakan.

"Cuma buat masa sekarang, saya mahu menumpukan perhatian terhadap peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bakal dihadapi tahun ini. Saya mahu mendapat keputusan cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke universiti," katanya.

Selain mahu menggenggam ijazah, Gee tertarik untuk belajar di kampus kerana rakan di kalangan penuntut universiti memberitahu, kehidupan sosial di sana lebih bebas serta mudah mendapat pasangan.

"Saya sedar banyak buat dosa dan tak pernah terlintas untuk terus hidup bergelut dengan dosa. Mungkin kehidupan saya tak seperti ini jika bapa masih hidup.

"Saya berserah segala-galanya kepada takdir dan berharap pintu hati saya terbuka untuk bertaubat satu hari nanti," katanya.